

Permohonan Ramos temui Dr. Mahathir belum diterima

UM 3 1 AUG 2002

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Kementerian Luar belum menerima sebarang permohonan daripada bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos untuk berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu penghantaran pulang rakyatnya dari Sabah.

Menterinya, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, pihaknya belum menerima maklumat daripada Kedutaan Malaysia di Manila mengenai permohonan itu.

“Jika ada permohonan, kita akan timbangkan dan terpulang kepada Perdana Menteri,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Program ‘Menyusuri Keagungan Bumi Turki Uthmaniah’ bersama majalah *Mastika* keluaran Kumpulan Utusan sini hari ini.

Seramai 140 peserta yang merupakan pembaca majalah *Mastika* dari selu-

ruh negara akan menyertai program lawatan 10 hari melawat tempat-tempat bersejarah di Turki. Rabu lalu, media asing melaporkan Presiden Filipina, Gloria Arroyo telah meminta bekas Presidennya, Fidel Ramos berjumpa Dr. Mahathir untuk berhubung penghantaran pulang pendatang tanpa izin dari negara itu yang tinggal di Sabah secara ‘teratur dan berperikemanusiaan’.

Bagaimanapun, satu laporan dari Manila hari ini menyebut bahawa Ramos belum mengeluarkan sebarang kenyataan sama ada beliau bersetuju memenuhi permintaan Arroyo itu.

Syed Hamid berkata, hakikatnya kedatangan Ramos itu jika bertujuan untuk membincangkan isu pendatang tanpa izin adalah ‘tidak perlu’ tetapi sekiranya kedatangan itu mengikut prosedur, maka terpulang kepada Dr. Ma-

hathir untuk menerimanya.

“Kita tidak tahu objektif dan matlamat kedatangan mereka, tapi kalau mereka hendak hantar atau jika mereka hendak juga berjumpa, kita kena lihat mengapa perkara itu terjadi, tak boleh kata kita tidak mahu menerima kedatangan mereka,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia sedia berbincang mengenai punca yang menyebabkan kebanjiran kedatangan pendatang asing dari negara jiran itu ke Malaysia dan seterusnya mencari penyelesaian.

“Rakyat Filipina Selatan tiada pekerjaan dan dahagakan pembangunan ekonomi maka tempat terdekat ialah Sabah,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan membenarkan mereka masuk untuk bekerja di negara ini asalkan mereka mempunyai dokumen yang sah.